

26 MAY 1999

Kadir-Pelancongan

ABDUL KADIR MULAKAN TUGAS DENGAN PROMOSI PELANCONGAN DALAM NEGERI

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini berkata beliau akan memulakan tugas baru sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Beliau berkata taraf hidup rakyat Malaysia telah sampai ke peringkat yang membolehkan mereka menyediakan peruntukan untuk bercuti setiap tahun bersama keluarga atau rakan ke destinasi dalam negara.

"Tahap pelancongan domestik masih rendah. Kementerian akan mencari jalan untuk menarik rakyat Malaysia bercuti dan melawat ke destinasi percutian dalam negara," kata beliau kepada pemberita pada hari pertama memulakan tugas di kementerian di sini.

Beliau berkata agensi-agensi pelancongan harus memperkenalkan pakej percutian yang mengutamakan destinasi pelancongan dalam negara dan tidak memberi tumpuan kepada destinasi percutian di luar negara.

Dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas, Abdul Kadir dilantik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menggantikan Datuk Seri Sabbaruddin Chik yang melepaskan jawatan. Abdul Kadir sebelumnya ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri.

-- BERNAMA